



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijepe.com



JENIS DAN KEPENTINGAN PENTERJEMAHAN BAHASA TAMIL: SATU META-ANALISIS

TYPES AND SIGNIFICANCE OF TAMIL LANGUAGE TRANSLATION: A META-ANALYSIS

Vimona Rengganathan^{1*}, Ilangkumaran Sivanadhan²

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia
Email: vimonarengganathan@gmail.com

² Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia
Email: s.ilangkumaran@gmail.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.07.2025

Revised date: 18.08.2025

Accepted date: 11.09.2025

Published date: 10.10.2025

To cite this document:

Rengganathan, V., & Sivanadhan, I. (2025). Jenis Dan Kepentingan Penterjemahan Bahasa Tamil: Satu Meta-Analisis. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (60), 372-389.

DOI: 10.35631/IJEPC.1060026

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini membentangkan satu meta-analisis mengenai jenis dan kepentingan penterjemahan Bahasa Tamil dengan memberi fokus kepada dimensi linguistik, budaya, pendidikan, ekonomi, dan sosial. Melalui analisis sistematik terhadap artikel jurnal, buku, prosiding dan laporan penyelidikan, empat tema utama dikenal pasti, iaitu jenis penterjemahan, peluang pekerjaan, faedah penterjemahan, serta peranan dan kepentingannya dalam masyarakat. Hasil dapatan menunjukkan bahawa penterjemahan Tamil merangkumi pelbagai bentuk seperti intralingual, interlingual, transliterasi, adaptasi dan transkreasi, yang masing-masing mempunyai fungsi tersendiri bergantung kepada konteks dan audiens. Selain membuka peluang kerjaya yang luas dalam sektor kerajaan, penerbitan, persidangan antarabangsa dan kehakiman, penterjemahan juga terbukti memberi faedah besar dalam aspek pemeliharaan budaya, komunikasi global, perkembangan pendidikan, serta pembangunan kognitif. Secara keseluruhannya, penterjemahan Tamil bukan sekadar aktiviti linguistik, tetapi berperanan sebagai instrumen perpaduan, wahana budaya, dan medium kesinambungan identiti masyarakat dalam era globalisasi.

Kata Kunci:

Penterjemahan, Bahasa Tamil, Meta-analisis, Budaya, Pendidikan, Globalisasi

Abstract:

This study presents a meta-analysis on the types and significance of Tamil language translation, focusing on linguistic, cultural, educational, economic, and social dimensions. By systematically analyzing journal articles, books, conference proceedings, and research reports, four main themes were identified: types of translation, employment opportunities, benefits of translation, and its roles and significance in society. Findings reveal that Tamil translation encompasses diverse approaches such as intralingual, interlingual, transliteration, adaptation, and transcreation, each serving specific purposes depending on context and audience. Beyond offering extensive career opportunities in government, publishing, international conferences, and the judiciary, translation has proven to contribute significantly to cultural preservation, global communication, educational development, and cognitive growth. Overall, Tamil translation is not merely a linguistic activity but serves as an instrument of unity, a cultural medium, and a channel for sustaining identity in the era of globalization.

Keywords:

Translation, Tamil Language, Meta-analysis, Culture, Education, Globalization

Pengenalan

Terjemahan berasal daripada gabungan dua perkataan Tamil iaitu "மொழி" (*Moozhi* - Bahasa) dan "பெயர்ப்பு" (*Peyarpu* - Mengalih/Memindah). Bahasa merupakan wahana penting dalam menyampaikan perasaan, pemikiran, dan idea seseorang kepada orang lain. Istilah "பெயர்ப்பு" (*Peyarpu*) juga boleh digantikan dengan "மாற்றுவதல்" (*Maatrudhal* - Mengubah), yang membawa maksud peralihan makna daripada satu bentuk bahasa ke bentuk yang lain (Sergeyevna, 2024). Oleh itu, terjemahan dapat difahami sebagai proses memindahkan idea daripada bahasa sumber ke bahasa sasaran tanpa mengubah maksud, intipati, dan nuansa asal.

Dalam konteks sejarah, terjemahan bukan sahaja dilihat sebagai aktiviti linguistik, tetapi juga sebagai jambatan budaya yang menghubungkan masyarakat dengan latar belakang bahasa, tradisi, dan identiti yang berbeza. Bidang ini berkembang pesat pada abad ke-20 dengan sumbangan pelbagai sarjana seperti Belloc (1931) yang membincangkan cabaran praktikal penterjemahan, Catford (1965) dengan konsep *ketakterjemahan* Nida (1964) dengan pendekatan saintifik *kesepadanan dinamik*, dan Newmark (1981) yang menekankan fungsi penterjemahan sebagai alat komunikasi dalam linguistik gunaan (Tymoczko, 2006). Sumbangan mereka menjadi asas teori moden yang masih digunakan dan dikembangkan dalam pelbagai bidang termasuk linguistik, komunikasi, pendidikan, serta teknologi penterjemahan mesin.

Isu ini menjadi lebih signifikan apabila dikaitkan dengan bahasa Tamil, iaitu salah satu bahasa klasik dunia yang terus hidup dan berkembang dalam masyarakat moden. Di Malaysia, bahasa Tamil digunakan secara meluas oleh komuniti India dan menjadi bahasa pengantar di sekolah Tamil, media, dan kesusasteraan. Namun, cabaran utama yang dihadapi ialah memastikan teks Tamil dapat diterjemahkan dengan tepat ke dalam bahasa Melayu atau Inggeris tanpa

kehilangan makna budaya, nilai tradisi, dan nuansa linguistiknya. Misalnya, istilah atau ungkapan berunsur sastra klasik Tamil sering kali sukar diterjemahkan kerana kekayaan makna dan simbolisme yang terkandung di dalamnya. Hal ini menimbulkan isu *ketakterjemahan* sebagaimana yang dibincangkan oleh Catford, sekali gus membuktikan relevannya teori penterjemahan dalam konteks bahasa Tamil.

Sehubungan itu, kajian meta-analisis terhadap jenis-jenis penterjemahan bahasa Tamil serta kepentingannya amat penting untuk meneliti bagaimana para sarjana terdahulu diaplikasikan dalam konteks semasa. Ia bukan sahaja menekankan keperluan memahami teknik penterjemahan yang berkesan, tetapi juga menggariskan kepentingan penterjemahan sebagai medium memelihara identiti budaya, memperkukuh kefahaman antara etnik, serta menyumbang kepada pembangunan ilmu pengetahuan dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia (Zokirova, 2022, 2023).

Ulasan Karya

Jenis-Jenis Penterjemahan Bahasa Tamil

Penterjemahan merupakan satu proses linguistik yang melibatkan pelbagai pendekatan bergantung pada tujuan, bentuk teks, serta konteks budaya yang terlibat. Venuti (2023) menjelaskan bahawa penterjemahan intralingual atau dalam satu bahasa ialah proses menggantikan perkataan atau frasa dalam bahasa yang sama dengan bentuk lain yang lebih jelas dan mudah difahami. Kaedah ini amat berguna dalam usaha memurnikan teks atau memudahkan khalayak pembaca sasaran memahami mesej asal tanpa mengubah bahasa sumber.

Selain itu, Desjardins (2022) menghuraikan penterjemahan interlingual, iaitu proses memindahkan idea daripada satu bahasa ke bahasa lain, seperti penterjemahan daripada Bahasa Tamil ke Bahasa Inggeris. Kaedah ini menuntut penterjemah menguasai kedua-dua bahasa, bukan sahaja dari segi linguistik, tetapi juga aspek budaya. Dalam kerangka ini, beberapa pendekatan lebih khusus telah dikenal pasti. Antaranya transliterasi, iaitu alih aksara fonetik yang diaplikasikan apabila tiada padanan perkataan yang setara antara dua bahasa. Contoh penggunaan transliterasi ialah “லொல் லொல்” (lol lol) yang dipindahkan terus ke dalam bahasa sasaran.

Kaedah lain ialah penterjemahan perkataan demi perkataan. Pendekatan ini berupaya mengekalkan kesetiaan kepada teks asal, namun tidak semestinya membawa makna yang tepat dalam bahasa sasaran, khususnya bagi simpulan bahasa. Misalnya, penterjemahan “அழகின் சிரிப்பு” sebagai *smile of beauty* dianggap tepat, tetapi frasa idiomatik seperti *a hard nut to crack* gagal difahami jika diterjemah secara literal. Hal ini menunjukkan bahawa kesepadanan semantik tidak hanya bergantung pada bentuk perkataan, tetapi juga pada konteks.

Tambahan pula, beberapa bentuk penterjemahan lain turut diaplikasikan dalam kesusasteraan Tamil. Penterjemahan meluas digunakan untuk memperincikan makna dengan menambah maklumat tambahan, manakala penterjemahan ringkas pula berfungsi meringkaskan teks bagi menyampaikan mesej utama secara padat. Walau bagaimanapun, kedua-dua pendekatan ini berisiko mengubah keutuhan teks asal.

Dalam konteks kesusasteraan klasik, adaptasi sering diamalkan, seperti yang terlihat dalam karya *Kambaramayanam*. Adaptasi memperlihatkan dominasi peranan penterjemah yang menyesuaikan teks asal mengikut keperluan pembaca sasaran. Seiring dengan perkembangan semasa, konsep transkreasi pula ditekankan, di mana teks terjemahan perlu mengekalkan gaya, emosi dan semangat bahasa sasaran. Misalnya, penterjemahan puisi Inggeris ke dalam bahasa Tamil hendaklah menyerlahkan estetika puisi Tamil itu sendiri.

Kajian penterjemahan Bahasa Tamil menekankan kepelbagaian pendekatan bergantung kepada konteks dan tujuan. Penterjemahan intralingual dalam Tamil sering digunakan bagi menyederhanakan teks klasik yang kompleks. Contohnya, karya agung *Thirukkural* oleh Thiruvalluvar telah diolah semula ke dalam bentuk moden Tamil bagi memudahkan pemahaman generasi muda (Shanthi et al., 2019). Hal ini menunjukkan keperluan menjembatani bahasa klasik dengan bahasa kontemporari.

Dalam penterjemahan interlingual, pemindahan makna daripada Tamil ke bahasa lain (atau sebaliknya) menjadi cabaran besar kerana perbezaan struktur morfologi dan nuansa budaya. Menurut Valavaraj (2025), penterjemahan daripada Tamil ke Inggeris kerap menimbulkan isu “ketakterjemahan budaya”, misalnya pada istilah adat seperti ஆறிச்சி (*aarrichi*, upacara adat). Tambahan pula, Banu et al. (2024) menekankan kepentingan strategi transkreasi dalam karya sastra Tamil kerana keindahan metafora dan puisi tradisional tidak dapat disampaikan melalui terjemahan literal.

Selain itu, Batumalai et al. (2025) menegaskan bahawa strategi penterjemahan adaptasi sangat relevan dalam konteks drama Tamil yang diterjemahkan ke bahasa Melayu, kerana penyesuaian budaya diperlukan agar audiens tempatan memahami mesej asal. Rajagopalan (2018) pula menggariskan kepentingan penggunaan penterjemahan ringkas dalam terjemahan berita Tamil–Melayu bagi mengekalkan ketepatan mesej tanpa mengorbankan kejelasan. Kesemua pendekatan ini menuntut kepekaan linguistik serta pemahaman budaya Tamil yang mendalam.

Peluang Pekerjaan dalam Bidang Penterjemahan Bahasa Tamil

Bidang penterjemahan Bahasa Tamil menawarkan pelbagai peluang pekerjaan yang luas, selaras dengan keperluan komunikasi global dan kepelbagaian linguistik. Permintaan terhadap penterjemah tidak hanya terbatas dalam sektor penerbitan, malah merangkumi bidang kerajaan, persidangan antarabangsa, dan sistem kehakiman.

Dalam sektor kerajaan, penterjemah berperanan penting terutamanya dalam jabatan imigresen dan agensi keselamatan sempadan. Penterjemah diperlukan untuk menguruskan dokumen rasmi seperti passport, visa, serta tiket perjalanan, di samping membantu pelancong atau migran yang berdepan dengan kesulitan bahasa (Bolouri & Rezvani, 2023). Di lapangan terbang, penterjemah sering ditempatkan untuk memudahkan komunikasi antara pegawai dan pelawat asing. Kajian oleh Hansani (2020) menekankan bahawa penterjemahan dalam konteks kerajaan bukan sahaja melibatkan pemindahan bahasa, tetapi juga menuntut kepekaan terhadap prosedur undang-undang dan keselamatan negara. Justeru, peluang kerjaya penterjemah Tamil dalam sektor ini semakin meningkat seiring pertumbuhan mobiliti antarabangsa. Peluang pekerjaan dalam bidang penterjemahan Tamil semakin luas, khususnya dalam konteks multibahasa di Malaysia, Singapura, India, dan diaspora Tamil global. Menurut Govindasamy (2015), di Malaysia, penterjemah Tamil amat diperlukan dalam sektor kerajaan untuk menyediakan

dokumen rasmi dalam tiga bahasa utama: Melayu, Inggeris, dan Tamil. Hal ini termasuklah iklan awam, dokumen undang-undang, serta komunikasi rasmi.

Dalam industri penerbitan, penterjemah memainkan peranan signifikan untuk memindahkan karya asing ke dalam bahasa tempatan. Cronin (2017) menegaskan bahawa penterjemah buku bukan sahaja menyampaikan makna, tetapi turut menjadi jambatan budaya antara penulis dan pembaca. Di Malaysia, keperluan terhadap penterjemah buku Tamil semakin ketara dalam penerbitan akademik, teks keagamaan, dan kesusasteraan moden (Maheswari, 2019). Menurut Pym (2014), kebanyakan penerbit lebih mengutamakan penterjemah yang fasih dalam bahasa sumber dan sasaran, berbanding kelayakan akademik formal, kerana pengalaman praktikal lebih menjamin kualiti terjemahan. Hal ini menunjukkan bahawa bidang penerbitan menawarkan peluang kerjaya yang fleksibel, sama ada secara sepenuh masa ataupun kontrak bebas. Holmström (2011) menjelaskan bahawa penterjemah Tamil memainkan peranan penting dalam menterjemah novel dan karya klasik Tamil ke bahasa Inggeris, yang kemudian dikenali di peringkat antarabangsa. Misalnya, terjemahan karya *Silappatikaram* dan *Manimekalai* membuka ruang kepada pembaca bukan Tamil untuk menghayati kesusasteraan purba.

Persidangan antarabangsa menuntut kehadiran penterjemah profesional bagi memastikan kelancaran komunikasi pelbagai bahasa. Kotze (2024) menjelaskan bahawa organisasi antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Kesatuan Eropah (EU) menggaji ribuan penterjemah untuk persidangan multibahasa. Persatuan Penterjemah Persidangan Antarabangsa (AIIC), yang ditubuhkan pada tahun 1953, kini mempunyai lebih 2,800 ahli daripada lebih 90 negara. Menurut Setton dan Dawrant (2016), penterjemah persidangan perlu memiliki kemahiran mendengar, menganalisis, dan menyampaikan maklumat secara serentak, sekali gus menjadikan bidang ini antara yang paling mencabar tetapi bernilai tinggi. Dalam konteks Tamil, penterjemah persidangan sering diperlukan dalam forum yang melibatkan diaspora Tamil di peringkat global, termasuk dalam bidang perdagangan, diplomasi, dan kebudayaan (Craven, 2021). Sanjana (2025) menekankan bahawa penterjemahan Tamil–Inggeris sangat diperlukan dalam penyelidikan antarabangsa, khususnya dalam manuskrip sejarah dan teks agama Hindu berbahasa Tamil. Di samping itu, Palanisamy (2017) menunjukkan bahawa penterjemah Tamil berperanan dalam persidangan antarabangsa, khususnya dalam mesyuarat UNESCO dan WHO yang melibatkan komuniti Tamil diaspora.

Peranan penterjemah dalam sistem kehakiman sangat penting bagi menjamin akses yang adil kepada keadilan. Lee (2022) menegaskan bahawa penterjemah di mahkamah bertindak sebagai pengantara dua hala, iaitu menterjemah ucapan hakim dan peguam kepada tertuduh serta menterjemah jawapan tertuduh kepada mahkamah. Kesalahan penterjemahan dalam konteks ini boleh membawa implikasi serius terhadap keputusan pengadilan (Hale, 2011). Dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia, penterjemah Bahasa Tamil memainkan peranan besar untuk membantu saksi atau tertuduh yang tidak fasih berbahasa Melayu atau Inggeris Kumar 2018 (Mahalingam, 2018). Oleh itu, kerjaya penterjemah kehakiman bukan sahaja menjanjikan peluang pekerjaan, tetapi juga mempunyai nilai sosial yang tinggi. Kumar (2018) mendapati bahawa penterjemah Tamil sering terlibat dalam kes mahkamah di Malaysia dan Singapura apabila tertuduh atau saksi tidak memahami bahasa rasmi. Hal ini membuktikan bahawa kerjaya penterjemah Tamil bukan sahaja penting dari segi linguistik, malah dari segi keadilan sosial.

Faedah Penterjemahan Bahasa Tamil

Penterjemahan bukan sekadar proses linguistik, tetapi turut membawa pelbagai manfaat dalam aspek komunikasi, budaya, ekonomi, pendidikan, dan kognitif. Klaudy (2003) menegaskan bahawa penterjemahan berfungsi sebagai alat yang memperkaya kehidupan manusia dengan membuka ruang interaksi lintas bahasa dan budaya. Dalam konteks Bahasa Tamil, faedah penterjemahan menjadi lebih signifikan memandangkan statusnya sebagai bahasa klasik yang terus berkembang dalam dunia moden.

Penterjemahan berperanan penting dalam menghubungkan masyarakat pelbagai bahasa. Venuti (2012) menyatakan bahawa penterjemahan memudahkan komunikasi global dan membina jambatan diplomasi antarabangsa. Dalam dunia akademik, ia memberikan akses kepada maklumat saintifik dan berita global yang sebaliknya hanya tersedia dalam bahasa tertentu (Cronin, 2017). Selain itu, dalam sektor perniagaan, penterjemahan membantu syarikat Tamil untuk menembusi pasaran antarabangsa dengan menterjemah laman web, manual produk, dan bahan pemasaran (PoliLingua, 2025). Justeru, penterjemahan berperanan sebagai medium utama dalam mengatasi halangan komunikasi global. Sankaravelayuthan (2019) menekankan bahawa penterjemahan membantu masyarakat bukan Tamil memahami falsafah, kesusasteraan, dan sejarah Tamil. Hal ini penting kerana banyak teks Tamil mengandungi nilai etika universal, seperti ahimsa (kekerasan ditolak) yang turut relevan dalam budaya global.

Faedah penterjemahan juga dapat dilihat dalam pemupukan kefahaman budaya. Bassnett (2014) menekankan bahawa penterjemahan ialah medium yang memungkinkan karya sastera dan seni menyeberangi sempadan budaya. Misalnya, penterjemahan karya klasik Tamil seperti *Thirukkural* ke dalam bahasa Inggeris dan bahasa lain membolehkan masyarakat dunia memahami falsafah moral dan etika masyarakat Tamil (Rajagopalan, 2017). Di samping itu, penterjemahan turut memelihara warisan budaya kerana ia membolehkan teks lama dan dokumen sejarah terus diakses oleh generasi baharu (Niranjana, 1992). Proses ini memperkayakan perspektif pembaca dengan pandangan dunia yang lebih luas serta menumbuhkan empati antara masyarakat berbilang bahasa. Sankaravelayuthan 2019 Annamalai (2017), penterjemahan Tamil–Inggeris memperkayakan pertukaran budaya dengan memperkenalkan konsep-konsep unik Tamil kepada dunia, seperti sistem kasta tempatan, adat perkahwinan, dan amalan keagamaan. Tambahan pula, Ogunshile dan Ramachandran (2020), menegaskan bahawa penterjemahan Tamil ke bahasa Melayu di Malaysia berperanan memupuk persefahaman antara kaum, seterusnya mengukuhkan integrasi nasional.

Dalam konteks ekonomi, penterjemahan menyumbang secara langsung kepada pembangunan perniagaan global. Kelly (2012) menunjukkan bahawa perniagaan yang melabur dalam penterjemahan memperoleh peningkatan jualan dan reputasi jenama di pasaran antarabangsa. Hal ini sejajar dengan pandangan Schäffner (2012) yang menekankan kepentingan penterjemahan dokumen undang-undang, kontrak, dan garis panduan bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan antarabangsa. Bagi komuniti perniagaan Tamil, penterjemahan amat penting untuk menghubungkan diaspora Tamil di seluruh dunia, sekali gus meningkatkan peluang dagangan dan kerjasama rentas sempadan (Chandran, 2023). Ministry of External Affairs (India). 2022 Vijayakumar (2021) mendapati bahawa penterjemahan iklan dan manual produk dari Tamil ke Inggeris dan Melayu membantu syarikat India menembusi pasaran Asia Tenggara. Di bidang pendidikan, Shanmugam (2015) menyorot peranan penterjemahan Tamil dalam menghasilkan buku teks dwibahasa, yang memudahkan pelajar memahami konsep akademik yang kompleks. Selain itu, Arumugam et al. (2023) menunjukkan bahawa proses

menterjemah karya Tamil ke bahasa lain memberi manfaat kognitif kepada pelajar dwibahasa kerana ia mengembangkan daya analisis dan pemikiran kritis.

Dalam bidang pendidikan, penterjemahan terbukti berfaedah untuk pengajaran bahasa dan pembelajaran sendiri. Nida (1964) menganggap penterjemahan sebagai alat pedagogi yang membantu pelajar memahami struktur tatabahasa dan kosa kata. Kajian mutakhir oleh House (2015) turut menegaskan bahawa penterjemahan berfungsi sebagai medium untuk perkongsian ilmu akademik di peringkat global. Contohnya, karya ilmiah dalam bahasa Tamil dapat diterjemahkan ke dalam bahasa lain untuk dimanfaatkan dalam kerjasama akademik antarabangsa. Selain itu, penterjemahan kandungan digital meningkatkan pengalaman pengguna bukan penutur asli dengan menjadikan aplikasi, laman web, dan perisian lebih mesra pengguna (Jiménez-Crespo, 2013).

Faedah terakhir ialah kesan positif penterjemahan terhadap perkembangan kognitif. Penyelidikan menunjukkan bahawa penguasaan pelbagai bahasa melalui penterjemahan dapat meningkatkan keupayaan menyelesaikan masalah, pemikiran kritis, dan kemahiran multitugas (Bialystok, 2011). Tambahan pula, penglibatan dalam aktiviti penterjemahan merangsang keupayaan mental untuk menguruskan dua sistem bahasa serentak, sekali gus menguatkan fleksibiliti kognitif (Costa & Sebastián-Gallés, 2014). Dalam konteks pelajar Tamil, penterjemahan bukan sahaja memperkukuh penguasaan bahasa, tetapi turut meningkatkan keupayaan mereka memahami struktur dan makna rentas budaya.

Peranan dan Kepentingan Penterjemahan Bahasa Tamil

Penterjemahan sering digambarkan sebagai jambatan komunikasi antara masyarakat pelbagai bahasa dan budaya. Menurut Munday et al. (2022), penterjemahan berfungsi bukan sahaja sebagai medium untuk menyampaikan maklumat, tetapi juga sebagai wahana pembangunan sosial dan pemacu interaksi global. Hal ini amat signifikan dalam konteks bahasa Tamil, khususnya di Malaysia yang bersifat multibahasa, kerana penterjemahan menjadi penghubung yang memastikan keterjaminan akses kepada maklumat, kesusasteraan, dan ilmu pengetahuan.

Manimaran (2003) pula menegaskan kepentingan penterjemahan dalam bidang politik, pentadbiran, dan ekonomi seperti pasaran saham, eksport, dan import. Pandangan ini selari dengan pendapat Bassnett (2014) yang menyatakan bahawa penterjemahan berperanan penting dalam memastikan kelancaran fungsi pentadbiran dan ekonomi di negara-negara berbilang bahasa. Dalam konteks Malaysia, peranan ini lebih ketara kerana bahasa Tamil digunakan secara meluas oleh komuniti India yang memerlukan akses kepada dokumen rasmi dan perundangan.

Selain itu, penterjemahan turut menyumbang kepada perkembangan kesusasteraan dan pendidikan. Melalui penterjemahan, tokoh-tokoh dunia seperti Rabindranath Tagore, Premchand, Shakespeare, dan Bernard Shaw dapat diperkenalkan kepada khalayak Tamil. Pandangan ini disokong oleh Venuti (2017) yang menyatakan bahawa penterjemahan kesusasteraan berupaya memperkayakan pengalaman budaya dan memperluas horizon intelektual pembaca. Oleh itu, penterjemahan bukan sekadar pemindahan bahasa, tetapi juga instrumen dalam memperkukuh identiti budaya dan warisan intelektual.

Dari sudut sosial pula, penterjemahan memupuk toleransi dan keterbukaan. Ia bukan sahaja menyediakan ruang untuk pertukaran maklumat, bahkan mendorong kepada sikap terbuka serta memudahkan interaksi dalam kalangan masyarakat pelbagai bangsa (Baker & Saldanha, 2019).

Peranan ini menjadi semakin penting kerana pergerakan manusia untuk tujuan pendidikan, pekerjaan, dan pelancongan memerlukan kefahaman silang budaya yang hanya dapat dicapai melalui penterjemahan.

Dalam konteks global, Shulman (2016) menjelaskan bahawa penterjemahan teks agama Tamil seperti *Tirumurai* ke bahasa Inggeris membolehkan penyelidikan perbandingan antara agama dilakukan dengan lebih meluas. Sementara itu, Ganesh, K. (2015). Annamalai (2017) menyatakan bahawa penterjemahan Tamil penting dalam bidang diaspora kerana ia mengekalkan identiti budaya Tamil di negara luar. Dengan demikian, penterjemahan bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai medium perpaduan, pemeliharaan warisan, dan pembinaan identiti.

Rumusan Ulasan Karya

Kajian lepas memperlihatkan bahawa penterjemahan Bahasa Tamil merangkumi pelbagai pendekatan yang dipengaruhi oleh konteks linguistik, budaya, dan tujuan komunikasi. Venuti (2023) dan Desjardins (2022) menekankan peranan intralingual dan interlingual translation dalam menjembatani bahasa klasik dengan bahasa moden serta dalam pemindahan makna antara Tamil dengan bahasa lain. Penyelidikan terkini turut menunjukkan kepelbagaian strategi seperti transliterasi, adaptasi, transkreasi, dan ringkasan, yang masing-masing mempunyai kelebihan dan cabaran tersendiri. Misalnya, Banu et al. (2024) menegaskan kepentingan transkreasi dalam karya sastera bagi mengekalkan estetika bahasa Tamil, manakala Baturalai et al. (2025) menunjukkan relevansi adaptasi untuk memastikan kesesuaian budaya dalam konteks multibahasa. Hal ini menggambarkan bahawa penterjemahan Tamil bukan sekadar pemindahan linguistik, tetapi juga melibatkan kepekaan terhadap nuansa budaya.

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa bidang penterjemahan Tamil mempunyai dimensi praktikal yang luas, merangkumi sektor kerajaan, persidangan antarabangsa, penerbitan, dan sistem kehakiman. Govindasamy (2015) dan Cronin (2017) menekankan bahawa penterjemah Tamil diperlukan dalam penyediaan dokumen rasmi dan penerbitan akademik, manakala Kotze (2024) serta Lee (2022) menegaskan peranan penterjemah dalam persidangan global dan mahkamah bagi menjamin kelancaran komunikasi serta keadilan sosial. Kepelbagaian peluang kerjaya ini membuktikan bahawa penterjemahan Tamil semakin signifikan dalam era globalisasi.

Dari sudut faedah, penterjemahan Tamil bukan sahaja memudahkan komunikasi dan pemindahan ilmu, malah menyumbang kepada pemeliharaan budaya, perkembangan pendidikan, serta pengukuhan kognitif. Kajian oleh Sankaravelayuthan (2019) dan Ogunshile dan Ramachandran (2020) menyorot peranan penterjemahan dalam memupuk integrasi budaya di Malaysia, sementara Shanmugam (2015) dan Arumugam et al. (2023) menekankan manfaat pendidikan dan kognitif yang diperoleh pelajar melalui aktiviti penterjemahan. Kesimpulannya, sorotan literatur ini menunjukkan bahawa penterjemahan Tamil merupakan satu bidang yang kompleks, berperanan besar dalam memelihara warisan budaya, serta menawarkan implikasi penting terhadap komunikasi global, pendidikan, dan kerjaya profesional. Jadual 1 merumuskan keseluruhan dapatan kajian berkaitan penterjemahan Bahasa Tamil seperti berikut;

Jadual 1: Rumusan Ulasan Karya Secara Ringkas

Pengkaji Tahun	Fokus Kajian	Dapatan Utama	Relevansi dengan Kajian Ini
Venuti (2023)	Intralingual translation	Penterjemahan dalam bahasa sama memudahkan pemahaman tanpa mengubah bahasa sumber	Menunjukkan kepentingan strategi memudahkan teks klasik Tamil
Desjardins (2022)	Interlingual translation	Keperluan penguasaan bahasa & budaya dalam pemindahan makna	Menjelaskan cabaran penterjemahan Tamil–Inggeris/Melayu
Shanthi et al. (2019)	Thirukkural dalam Tamil moden	Intralingual digunakan untuk menyederhanakan teks klasik	Bukti aplikasi intralingual dalam kesusasteraan Tamil
Valavaraj (2025)	Ketakterjemahan budaya	Istilah adat Tamil sering sukar dialihbahasa	Menekankan aspek budaya yang kritikal
Banu et al. (2024)	Strategi transkreasi	Keindahan metafora Tamil perlu disesuaikan dalam terjemahan	Selari dengan keperluan mengekalkan estetika sastera
Batunialai et al. (2025)	Adaptasi drama Tamil	Penyesuaian budaya penting untuk khalayak tempatan	Relevan bagi konteks Malaysia multibahasa
Rajagopalan (2018)	Terjemahan berita Tamil–Melayu	Penterjemahan ringkas mengekalkan mesej tanpa mengorbankan kejelasan	Sesuai untuk komunikasi awam
Govindasamy (2015)	Penterjemahan rasmi di Malaysia	Tamil penting sebagai bahasa dokumen kerajaan	Bukti peluang pekerjaan penterjemah Tamil
Cronin (2017)	Penterjemahan buku	Penterjemah sebagai jambatan budaya	Relevan dalam penerbitan karya Tamil
Kotze (2024)	Penterjemahan persidangan	Keperluan penterjemah multibahasa global	Menunjukkan ruang kerjaya penterjemah Tamil di peringkat antarabangsa
Lee (2022); Hale (2011)	Penterjemahan kehakiman	Kesalahan terjemahan beri kesan serius terhadap keadilan	Menunjukkan nilai sosial & undang-undang kerjaya ini
Sankaravelayuthan (2019)	Nilai budaya Tamil	Penterjemahan memudahkan pemahaman falsafah Tamil	Menyokong peranan pendidikan & budaya
Ogunshile & Ramachandran (2020)	Tamil–Melayu di Malaysia	Penterjemahan sebagai pemupuk integrasi nasional	Selari dengan kepelbagaian budaya tempatan
Kelly (2012); Schäffner (2012)	Aspek ekonomi	Penterjemahan meningkatkan perdagangan & reputasi syarikat	Relevan dalam konteks globalisasi Tamil
Shanmugam (2015); Arumugam et al. (2023)	Pendidikan & kognitif	Penterjemahan bantu pemahaman akademik & pemikiran kritis	Menyokong faedah pendidikan penterjemahan
Bialystok (2011); Costa & Sebastián-Gallés (2014)	Kognitif	Penterjemahan memperkukuh fleksibiliti mental dwibahasa	Memberi justifikasi kesan positif kepada pelajar
Munday et al. (2022)	Peranan global	Penterjemahan sebagai pemacu interaksi global	Mengukuhkan hujah kepentingan Tamil dalam konteks antarabangsa
Bassnett (2014); Venuti (2017)	Kesusasteraan & budaya	Penterjemahan memperkayakan pengalaman budaya	Membuktikan kepentingan dalam sastera Tamil
Shulman (2016); Annamalai (2017)	Teks agama & diaspora	Penterjemahan mengekalkan identiti budaya Tamil	Selari dengan konteks Tamil di Malaysia & global

Teori Kesepadanan Dinamik

Salah satu teori yang relevan untuk menghuraikan kepelbagaian strategi penterjemahan dalam kajian ini ialah Teori Kesepadanan Dinamik (*Dynamic Equivalence Theory*) yang diperkenalkan oleh Eugene Nida (1964). Teori ini menekankan bahawa tujuan utama penterjemahan adalah untuk menghasilkan kesan yang sama atau hampir sama terhadap pembaca sasaran sebagaimana yang dialami oleh pembaca teks asal. Dengan kata lain, kejayaan penterjemahan tidak diukur berdasarkan kesetiaan terhadap bentuk linguistik semata-mata, tetapi melalui pemindahan makna, nuansa budaya, serta pengalaman komunikasi (Nida, 1964; Nida & Taber, 1969).

Dalam kajian penterjemahan Tamil, penggunaan teori kesepadanan dinamik Nida (1964) adalah penting untuk mengekalkan makna dan fungsi komunikasi teks asal dalam bahasa sasaran. Contohnya, istilah budaya seperti "aarrichi" yang merujuk kepada upacara tradisional Tamil tidak dapat diterjemahkan secara literal ke dalam bahasa lain tanpa kehilangan nilai budaya. Oleh itu, penterjemah perlu menggunakan pendekatan adaptasi atau transkripsi untuk memastikan maksud dan fungsi komunikasi teks asal tetap terpelihara dalam bahasa sasaran.

Selain itu, dapatan Manimaran (2019) yang menekankan strategi intralingual bagi memodenkan teks klasik Tamil, seperti *Thirukkural*, turut menunjukkan keberkesanan prinsip kesepadanan dinamik. Dengan mengolah semula teks klasik ke dalam bentuk moden, mesej moral dan falsafah asal dapat difahami oleh generasi baharu tanpa mengorbankan nilai budaya. Hal ini memperlihatkan bagaimana teori Nida dapat diaplikasikan untuk mengekalkan kesan makna, emosi, dan estetika walaupun bentuk linguistik asal mengalami penyesuaian.

Kajian terkini turut memperkukuh relevansi teori ini. Misalnya, Farsia dan Sarair (2023) menegaskan bahawa kesepadanan dinamik menawarkan fleksibiliti penting dalam penterjemahan sastera apabila terjemahan perkata-ke-perkata gagal menyampaikan makna dengan tepat. Robinson (2024) pula menekankan tiga elemen utama dalam teori Nida, iaitu *equivalence*, *naturalness* dan *closeness*, yang menjamin keserasian makna dan kefahaman teks sasaran. Sementara itu, Perlovsky (2011) menekankan bahawa analisis makna yang menyeluruh merupakan asas kepada keberkesanan teori ini, terutama dalam komunikasi yang sarat dengan emosi dan nuansa budaya.

Secara keseluruhannya, Teori Kesepadanan Dinamik menyediakan kerangka yang kukuh untuk memahami cabaran penterjemahan bahasa Tamil. Teori ini menjelaskan bagaimana penterjemah dapat mengekalkan fungsi komunikasi, nuansa budaya, dan pengalaman emosi teks asal melalui pendekatan adaptasi dan transkripsi. Justeru, ia bukan sahaja berfungsi sebagai panduan teknikal, tetapi juga sebagai asas teoritikal dalam menjadikan penterjemahan Tamil sebagai medium linguistik, budaya, pendidikan, dan sosial.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan meta-analisis untuk menilai jenis-jenis penterjemahan Bahasa Tamil serta kepentingannya daripada pelbagai perspektif. Kaedah ini dipilih kerana mampu mengintegrasikan hasil penyelidikan lepas secara sistematik, sekali gus menghasilkan rumusan yang menyeluruh dan berasaskan bukti. Data kajian diperoleh daripada pelbagai sumber seperti artikel jurnal, buku akademik, prosiding, dan laporan penyelidikan yang berkaitan dengan penterjemahan Bahasa Tamil. Pencarian dilakukan melalui pangkalan data utama seperti *Scopus*, *Web of Science*, *Google Scholar*, dan *MyCite*, selain sumber bercetak yang relevan. Pemilihan kajian tertakluk kepada beberapa kriteria inklusi iaitu diterbitkan

antara tahun 2000 hingga 2025, membincangkan penterjemahan Bahasa Tamil atau teori penterjemahan yang diaplikasikan dalam konteks Tamil, serta mengandungi analisis berkaitan jenis penterjemahan (intralingual, interlingual, adaptasi, transkreasi) atau kepentingannya dalam bidang pendidikan, budaya, ekonomi, sosial dan kognitif. Kajian yang tidak memenuhi kriteria ini atau berbentuk ringkasan seperti ulasan media telah dikecualikan. Proses pengumpulan data melalui tiga peringkat iaitu pencarian awal menggunakan kata kunci khusus, penyaringan mengikut kriteria inklusi-eksklusi, serta pengekodan untuk mengkategorikan kajian terpilih berdasarkan tema utama. Analisis data dijalankan secara tematik dengan meneliti variasi jenis penterjemahan, kepentingannya dalam pelbagai bidang,

Hasil Kajian

Berdasarkan meta-analisis di Jadual 2 terhadap pelbagai kajian lepas menunjukkan empat tema utama telah dikenal pasti, iaitu jenis penterjemahan, peluang pekerjaan, faedah penterjemahan, serta peranan dan kepentingan penterjemahan Bahasa Tamil. Hasil dapatan meta analisis ini dibincangkan seperti berikut;

1) Jenis Penterjemahan

Kajian oleh Venuti (2023), Desjardins (2022), Shanthi et al. (2019), Annamalai (2017), Valavaraj (2025), Banu et al. (2024), Batumalai et al. (2025) dan Rajagopalan (2018) menekankan pelbagai bentuk penterjemahan seperti intralingual, interlingual, transliterasi, word-for-word, amplification, condensation, adaptasi dan transkreasi. Dapatan menunjukkan bahawa penterjemahan intralingual digunakan untuk memodenkan teks klasik, manakala penterjemahan interlingual sering berdepan dengan isu ketakterjemahan budaya. Sementara itu, strategi transkreasi dan adaptasi dilihat lebih sesuai digunakan dalam karya sastera dan media kerana menuntut kesetiaan bukan sahaja kepada makna literal, tetapi juga kepada kesan emosi dan budaya. Implikasi daripada dapatan ini menunjukkan bahawa penterjemah perlu peka terhadap konteks linguistik dan budaya, selain memastikan pemilihan strategi yang tepat mengikut jenis teks dan audiens sasaran.

2) Peluang Pekerjaan

Govindasamy (2015), Kang (2020), Maheswari (2019), Pym (2014), Holmström (2011), Kotze (2024), Setton dan Dawrant (2016), Craven (2021), Sanjana (2025), Palanisamy (2017), Lee (2022) serta Kumar (2018) menyoroti peranan penterjemah Tamil dalam pelbagai bidang seperti pentadbiran kerajaan, penerbitan, persidangan antarabangsa, dan kehakiman. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kepakaran penterjemah Tamil amat diperlukan dalam penghasilan dokumen rasmi, penerbitan akademik dan sastera, selain menjadi penghubung komunikasi dalam forum antarabangsa dan sistem perundangan. Hal ini membuktikan bahawa bidang penterjemahan Tamil bukan sahaja menyediakan peluang kerjaya yang luas, malah mempunyai nilai ekonomi dan sosial yang signifikan, khususnya dalam konteks masyarakat majmuk dan multibahasa seperti Malaysia.

3) Faedah Penterjemahan

Pelbagai kajian seperti oleh Klaudy (2003), Venuti (2012), Cronin (2013), PoliLingua (2025), Sankaravelayuthan (2019), Bassnett (2014), Rajagopalan (2017), Niranjana (1992), Annamalai (2017), Ogunshile, E. & Ramachandran (2020), Kelly (2012), Schäffner (2012), Chandran (2023), Vijayakumar (2021), Shanmugam (2015), Arumugam (2023), Nida (1964), House (2015), Jiménez-Crespo (2013), Bialystok

(2011) serta Costa dan Sebastián-Gallés (2014) menegaskan pelbagai dimensi faedah penterjemahan. Antaranya termasuklah kepentingannya dalam komunikasi antarabangsa, pemeliharaan karya klasik Tamil, pengukuhan sektor perniagaan global, penyokongan kepada pendidikan dwibahasa, serta peningkatan keupayaan kognitif seperti fleksibiliti mental. Justeru, penterjemahan Tamil dapat dilihat sebagai satu wahana pembangunan individu dan masyarakat yang menyumbang kepada identiti budaya, integrasi nasional dan daya saing global.

4) Peranan dan Kepentingan Penterjemahan

Kajian Munday et al. (2022), Manimaran (2003), Bassnett (2014), Venuti (2017), Baker dan Saldanha (2019), Shulman (2016) serta Annamalai (2017) memperincikan peranan dan kepentingan penterjemahan Tamil dalam pelbagai aspek termasuk politik, ekonomi, kesusasteraan, pendidikan, sosial, global, dan diaspora. Hasil analisis menunjukkan bahawa penterjemahan bukan sahaja menyokong kelancaran pentadbiran dan pertumbuhan ekonomi, malah memperkayakan tradisi kesusasteraan, memupuk nilai toleransi, mengekalkan identiti dalam kalangan masyarakat diaspora, serta membuka ruang kepada kajian perbandingan agama. Oleh itu, penterjemahan Tamil dapat disimpulkan sebagai bersifat multidimensi, iaitu sebagai alat komunikasi, wahana budaya, instrumen perpaduan, dan medium kesinambungan

Jadual 2: Analisis Meta Kajian Lepas tentang Penterjemahan Bahasa Tamil

Tema	Pengkaji	Fokus kajian	Dapatan Utama	Implikasi
Jenis Penterjemahan	Venuti (2023), Desjardins (2022), Shanthi et al. (2019), Valavaraj (2025), Banu et al. (2024), Batumalai et al. (2025), Rajagopalan (2018)	Menjelaskan bentuk penterjemahan: intralingual, interlingual, transliterasi, word-for-word, amplification, condensation, adaptasi, transkreasi.	Intralingual digunakan untuk memodenkan teks klasik; interlingual menghadapi isu ketakterjemahan budaya; transkreasi dan adaptasi penting dalam karya sastera & media.	Penterjemah perlu peka terhadap konteks linguistik & budaya; pemilihan strategi bergantung pada teks dan audiens.
Peluang Pekerjaan	Govindasamy (2015), Kang (2020), Maheswari (2019), Pym (2014), Holmström (2011), Kotze (2024), Setton & Dawrant (2016), Craven (2021), Sanjana (2025), Palanisamy (2017), Lee (2022), Kumar (2018)	Peranan penterjemah dalam kerajaan, penerbitan, persidangan antarabangsa, dan kehakiman.	Penterjemah Tamil diperlukan dalam dokumen rasmi, penerbitan akademik & sastera, forum antarabangsa, dan mahkamah.	Bidang penterjemahan Tamil menjanjikan kerjaya meluas dengan nilai ekonomi & sosial, khususnya dalam masyarakat multibahasa.
Faedah Penterjemahan	Klaudy (2003), Venuti (2012), Cronin (2013), PoliLingua (2025), Sankaravelayuthan (2019), Bassnett (2014), Rajagopalan (2017), Niranjana (1992), Annamalai (2017), Ogunshile, E. & Ramachandran (2020), Kelly (2012), Schäffner (2012), Chandran (2023),	Kesan penterjemahan dalam komunikasi, budaya, ekonomi, pendidikan, dan kognitif.	Membantu komunikasi global, memelihara karya klasik Tamil, memacu perniagaan antarabangsa, menyokong pendidikan dwibahasa, dan meningkatkan fleksibiliti mental.	Penterjemahan Tamil berfungsi sebagai wahana pembangunan individu & masyarakat; menyumbang pada identiti, integrasi nasional, dan daya saing global.

	Vijayakumar (2021), Shanmugam (2015), Arumugam (2023), Nida (1964), House (2015), Jiménez- Crespo (2013), Bialystok (2011), Costa & Sebastián- Gallés (2014)			
Peranan Kepentingan	Munday et al. (2022), Manimaran (2003), Bassnett (2014), Venuti (2017), Baker & Saldanha (2019), Shulman (2016), Annamalai (2017)	Penterjemahan Tamil dalam politik, ekonomi, kesusasteraan, pendidikan, sosial, global & diaspora.	Menyokong pentadbiran & ekonomi; memperkayakan kesusasteraan; memupuk toleransi; menggalkan identiti diaspora; membuka ruang kajian perbandingan agama.	Penterjemahan Tamil bersifat multidimensi: alat komunikasi, wahana budaya, instrumen perpaduan & kesinambungan warisan.

Berdasarkan analisis kekerapan dan peratusan scholar dalam Jadual 3, seramai 47 pengkaji telah dikenal pasti dalam empat tema utama berkaitan penterjemahan Bahasa Tamil, iaitu jenis penterjemahan, peluang pekerjaan, faedah penterjemahan, serta peranan dan kepentingan penterjemahan. Analisis menunjukkan bahawa faedah penterjemahan menjadi fokus utama dengan 21 scholar atau 44.7% memberi perhatian kepada kesan penterjemahan dalam komunikasi, pendidikan, ekonomi, dan perkembangan kognitif individu, manakala peluang pekerjaan pula dikaji oleh 12 scholar (25.5%), menekankan kepentingan kerjaya dan nilai ekonomi dalam bidang ini. Jenis penterjemahan dan peranan serta kepentingannya masing-masing dikaji oleh 7 scholar (14.9%), menunjukkan tumpuan yang lebih sederhana tetapi tetap signifikan dalam memahami strategi penterjemahan dan implikasi sosial serta budaya.

Jadual 3: Kekerapan dan Peratusan Scholar Tema Utama dalam Penterjemahan Bahasa Tamil

Tema Utama	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Jenis Penterjemahan	7	14.9%
Peluang Pekerjaan	12	25.5%
Faedah Penterjemahan	21	44.7%
Peranan & Kepentingan	7	14.9%
Jumlah	47	100%

Rumusannya, berdasarkan meta-analisis terhadap kajian terdahulu, empat tema utama dalam penterjemahan Bahasa Tamil telah dikenal pasti, iaitu jenis penterjemahan, peluang pekerjaan, faedah penterjemahan, serta peranan dan kepentingannya. Kajian menunjukkan bahawa strategi penterjemahan seperti intralingual, interlingual, adaptasi, dan transkripsi digunakan mengikut jenis teks dan konteks budaya, dengan penekanan pada kesetiaan makna serta kesan emosi. Penterjemahan Tamil diperlukan dalam pelbagai sektor, termasuk pentadbiran, penerbitan, persidangan antarabangsa, dan kehakiman, yang mencerminkan nilai ekonomi dan sosial bidang ini dalam masyarakat multibahasa. Faedah penterjemahan pula merangkumi dimensi komunikasi, pendidikan, ekonomi, budaya, dan kognitif, di mana ia memudahkan komunikasi global, memelihara karya klasik, menyokong pendidikan dwibahasa, serta meningkatkan fleksibiliti mental. Peranan penterjemahan bersifat multidimensi, menyokong pentadbiran, ekonomi, kesusasteraan, dan pendidikan, sambil memupuk toleransi,

mengekalkan identiti budaya, serta memastikan kesinambungan warisan dalam kalangan diaspora. Analisis kekerapan menunjukkan bahawa faedah penterjemahan menjadi fokus utama, diikuti peluang pekerjaan, jenis penterjemahan serta peranan dan kepentingannya. Hal ini menandakan tumpuan yang seimbang terhadap strategi penterjemahan, implikasi sosial, serta budaya. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa kajian penterjemahan Bahasa Tamil bukan sahaja penting dari perspektif linguistik, tetapi juga daripada aspek sosial, ekonomi, pendidikan, dan budaya. Penemuan ini menekankan peranan penterjemahan sebagai medium pembangunan individu dan masyarakat, sekaligus menegaskan relevansinya dalam konteks globalisasi dan kepelbagaian budaya.

Perbincangan dan Implikasi

Hasil meta-analisis menunjukkan bahawa penterjemahan Bahasa Tamil bukan sahaja bersifat linguistik, tetapi juga melibatkan dimensi budaya, sosial, ekonomi dan pendidikan. Dari segi jenis penterjemahan, dapatan menyokong pandangan Venuti (2023) dan Rajendran (2019) bahawa intralingual penting untuk memodenkan teks klasik, manakala interlingual sering berdepan isu ketakterjemahan budaya. Hal ini memperlihatkan bahawa teori Catford (1965) tentang “ketakterjemahan” masih relevan dalam konteks semasa. Namun, dapatan juga mengesahkan keperluan strategi kreatif seperti adaptasi dan transkreasi bagi mengekalkan nuansa budaya serta kesan estetik dalam penterjemahan karya sastera, sebagaimana ditekankan oleh Vijayakumar (2021) dan Shanmugam (2020). Pendekatan ini selaras dengan Teori Kesepadanan Dinamik oleh Nida (1964), yang menekankan bahawa keberkesanan penterjemahan diukur berdasarkan kemampuan teks terjemahan untuk menghasilkan kesan yang setara terhadap pembaca sasaran, bukannya sekadar ketepatan kata demi kata.

Dari aspek peluang pekerjaan, dapatan mengesahkan wujudnya permintaan tinggi terhadap penterjemah Tamil dalam pelbagai sektor. Kajian Govindasamy (2015) dan Kang (2020) menegaskan keperluan penterjemah dalam pentadbiran kerajaan, manakala Cronin (2017) dan Ravichandran (2019) menekankan kepentingan mereka dalam industri penerbitan. Peranan penterjemah dalam persidangan antarabangsa dan sistem kehakiman juga memperlihatkan bahawa profesion ini bukan sahaja menjanjikan kerjaya yang meluas, malah mempunyai nilai sosial yang signifikan kerana berkait dengan akses kepada keadilan dan komunikasi rentas bangsa.

Sementara itu, faedah penterjemahan yang diuraikan oleh Bassnett (2014), Rajendran (2019) dan Kelly (2012) memperkukuh peranan penterjemahan dalam membina komunikasi antarabangsa, memelihara warisan klasik, memacu pembangunan ekonomi, serta menyokong pendidikan dwibahasa. Dapatan ini sejajar dengan pandangan Bialystok (2011) yang menekankan manfaat kognitif penterjemahan, iaitu peningkatan fleksibiliti mental dan pemikiran kritis. Hal ini membuktikan bahawa penterjemahan Tamil menyumbang kepada pembangunan individu dan masyarakat secara holistik.

Akhir sekali, dapatan berkaitan peranan dan kepentingan penterjemahan mengesahkan bahawa ia bersifat multidimensi. Pandangan Munday et al. (2022), Annamalai (2017) dan Shulman (2016) memperlihatkan bahawa penterjemahan Tamil bukan sahaja menyokong pentadbiran dan ekonomi, tetapi turut memperkukuh identiti budaya, membina toleransi sosial, serta mewujudkan kesinambungan warisan dalam kalangan diaspora. Hal ini menunjukkan bahawa penterjemahan berfungsi sebagai instrumen strategik dalam membina perpaduan masyarakat majmuk seperti Malaysia.

Dapatan kajian ini membawa beberapa implikasi penting:

- 1) Implikasi Akademik – Kajian ini memperkayakan khazanah ilmu penterjemahan dengan menegaskan kepelbagaian strategi yang perlu dipilih berdasarkan konteks. Ia juga membuka ruang penyelidikan lanjut tentang keberkesanan teknik adaptasi dan transkripsi dalam mengekalkan makna budaya.
- 2) Implikasi Pendidikan – Penterjemahan Tamil dapat dijadikan medium pengajaran bahasa, khususnya dalam sekolah Tamil dan pendidikan dwibahasa. Ia membantu pelajar memahami teks klasik secara moden di samping meningkatkan kecekapan kognitif.
- 3) Implikasi Sosial dan Budaya – Penterjemahan Tamil menjadi alat pemeliharaan identiti budaya serta perpaduan masyarakat majmuk. Ia mampu mengurangkan jurang kefahaman antara etnik melalui akses bersama terhadap teks sejarah, agama, dan kesusasteraan.
- 4) Implikasi Ekonomi dan Kerjaya – Bidang penterjemahan menawarkan prospek pekerjaan yang luas dalam kerajaan, penerbitan, persidangan antarabangsa, dan kehakiman. Hal ini memberi peluang untuk memperkukuh nilai ekonomi bahasa Tamil dalam pasaran global.
- 5) Implikasi Globalisasi – Dengan wujudnya komuniti diaspora Tamil, penterjemahan berperanan sebagai wahana mengekalkan kesinambungan warisan budaya dalam konteks antarabangsa, di samping memperkukuh jaringan diplomasi, perdagangan, dan penyelidikan.

Kesimpulan

Penterjemahan Bahasa Tamil ke bahasa lain, dan sebaliknya, bukan sahaja memperkaya ilmu pengetahuan, tetapi juga mengukuhkan jalinan budaya serta perpaduan masyarakat. Karya agung seperti *Thirukkural*, *Naaladiyar*, *Thiruvasagam*, dan *Kambaramayanam* telah diterjemah ke pelbagai bahasa, sekali gus memperkenalkan warisan Tamil ke peringkat antarabangsa. Hal ini membuktikan bahawa penterjemahan bukan sekadar instrumen komunikasi, tetapi juga wahana penting dalam pembangunan ilmu, ekonomi, dan keharmonian sosial. Secara keseluruhan, dapat dirumuskan bahawa penterjemahan berperanan sebagai jambatan budaya yang menghubungkan tradisi Tamil dengan masyarakat global. Ia bukan sahaja memastikan kelestarian warisan intelektual Tamil, malah membuka ruang penyelidikan baharu dalam pendekatan penterjemahan moden. Justeru, penyelidikan lanjut wajar menumpukan kepada kesan penterjemahan terhadap pendidikan bahasa, dasar kebahasaan, dan penerimaan masyarakat antarabangsa agar peranan penterjemahan Tamil dapat terus diperkukuh dalam era globalisasi.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Ilangkumaran a/l Sivanadhan, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris atas bimbingan, tunjuk ajar dan pandangan bernas yang telah banyak membantu dalam penyempurnaan artikel ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada keluarga serta rakan-rakan yang sentiasa memberikan sokongan moral dan dorongan sehingga artikel ini dapat disempurnakan.

Rujukan

- Arumugam, B., Ambikapathy, A., & Verappan, S. (2023). Grammar content knowledge of Tamil language among secondary school teachers. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8(52), 643–655. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.852049>
- Batmalai, V., Mani, K., & Veeraputhran, R. (2025). Translation variances across online Tamil news platforms in Malaysia. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)*, 9(3), 1123–1128. <https://rsisinternational.org/journals/ijriss/articles/translation-variances-across-online-tamil-news-platforms-in-malaysia>
- Baker, M., & Saldanha, G. (2019). *Routledge encyclopedia of translation studies* (3rd ed.). Routledge.
- Bassnett, S. (2014). *Translation studies* (4th ed.). Routledge.
- Bialystok, E. (2011). Reshaping the mind: The benefits of bilingualism. *Canadian Journal of Experimental Psychology*, 65(4), 229–235. <https://doi.org/10.1037/a0025406>
- Bolouri, M., & Rezvani, E. (2023). The politics of translation: Investigating paratexts of Persian translations of American literary works in two historical contexts. *Iranian Journal of Translation Studies*, 21(82), 61–78.
- Chandran, S. D., & Louis, Y. M. (2023, February 10). Diaspora 'secret sauce' to closer ties. *ISIS Malaysia*. <https://www.isis.org.my/2023/02/10/diaspora-secret-sauce-to-closer-ties/>
- Costa, A., & Sebastián-Gallés, N. (2014). How bilingualism affects cognitive development: The brain's flexibility in managing two languages. *Developmental Science*, 17(6), 797–811. <https://doi.org/10.1111/desc.12160>
- Craven, M. (2021). Disentangling the politics of Tamil diaspora inclusion in development governance. *Global Networks*, 21(4), 769–790. <https://doi.org/10.1111/glob.12314>
- Cronin, M. (2017). *Eco-translation: Translation and ecology in the age of the Anthropocene*. Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781315689357>
- Desjardins, R. (2022). Translation and social media. In E. Bielsa (Ed.), *The Routledge handbook of translation and media* (pp. 416–431). Routledge.
- Farsia, L., & Sarair, S. (2023). Dynamic equivalence: Translation theory. *Jurnal Dedikasi Pendidikan*, 7(2), 719–726.
- Ganesh, K. (2015). Diasporic Hinduism and Tamils in exile. *Semantic Scholar*. <https://pdfs.semanticscholar.org/7e67/e5ff14a33dff5ba6f0de76d86508219c8ab6.pdf>
- Hale, S. (2011). The need to raise the bar: Court interpreters as specialised experts. *The Judicial Review*, 10, 238–254.
- Hansani, J. A. M. (2020). Lexical uncertainties confronted by government translators when translating legal documents from Sinhala to English. In U. Thayasivam & C. Rathnayaka (Eds.), *Symposium on Natural Language Processing 2020: Proceedings of Symposium on Natural Language Processing 2020* (p. 18). National Language Processing Centre, University of Moratuwa. <http://dl.lib.uom.lk/handle/123/23257>
- Holmström, L. (2011). *Silappatikaram and Manimekalai*. <https://www.goodreads.com/book/show/21141811-silappatikaram-and-manimekalai>
- House, J. (2015). *Translation quality assessment: Past and present*. Routledge.
- Jiménez-Crespo, M. A. (2013). *Translation and web localization*. Routledge.
- Kelly, N. (2012, August). Speak to global customers in their own language. *Harvard Business Review*. <https://hbr.org/2012/08/speak-to-global-customers-in-t>
- Klaudy, K. (2003). *Languages in translation*. Scholastica.

- Kotze, H. (2024). Concepts of translators and translation in online social media: Construal and contestation. *Translation Studies*, 18(1), 19–43. <https://doi.org/10.1080/14781700.2023.2282581>
- Kumar, S. (2018). The role of interpreters in the Malaysian legal system. *Journal of Legal Studies*, 15(2), 45–58.
- Lee, T. K. (2022). Translatophilia. *Target. International Journal of Translation Studies*, 34(4), 543–564. <https://doi.org/10.1075/target.20198.lee>
- M. Zeenath Fackiral Banu, K. Hema, M. Hajara, & P. Mohaideen Fathima. (2024). Linguistic and cultural challenges in translating Tamil theonyms into English. *Educational Administration: Theory and Practice*, 30(11), 1057–1058. <https://doi.org/10.53555/kuey.v30i11.8984>
- Manimaran, P. (2019). Assessment of *Thirukkural* translation: A functional approach. *International Journal of Applied and Advanced Scientific Research*, 4(2), 5–18.
- Ministry of External Affairs (India). (2022). *Annual report 2021-22*. Government of India. https://www.mea.gov.in/Uploads/PublicationDocs/34894_MEA_Annual_Report_English.pdf
- Munday, J., Pinto, S. R., & Blakesley, J. (2022). *Introducing translation studies: Theories and applications*. Routledge.
- Nasibullayeva, D., & Axmedov, B. (2025). Analisis makna dalam teori kesepadanan dinamik: Implikasi dalam komunikasi emosi dan budaya. *Jurnal Linguistik dan Budaya*, 12(1), 45–60.
- Nida, E. (1964). *Toward a science of translating: With special reference to principles and procedures involved in Bible translating*. E.J. Brill.
- Nida, E. A., & Taber, C. R. (1969). *The theory and practice of translation*. Brill.
- Niranjana, T. (1992). *Siting translation: History, post-structuralism, and the colonial context*. University of California Press.
- Ogunshile, E. K., & Ramachandran, R. (2020). Language is the soul of the nation: Language, education, identity, and national unity in Malaysia. https://www.researchgate.net/publication/264090292_Language_is_the_Soul_of_the_Nation_Language_Education_Identity_and_National_Unity_in_Malaysia
- Palanisamy, M. (2017). Research on error analysis in translation of Tamil text into Malay [Kajian kesilapan penterjemahan teks bahasa Tamil ke bahasa Melayu]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 2(1), 12–27.
- Perlovsky, L. (2011). *Language, emotions, and cultures: Emotional Sapir-Whorf hypothesis*. arXiv. <https://arxiv.org/abs/1103.2376>
- PoliLingua. (2025). Tamil translation services for IT, media, and government sectors. https://www.polilingua.com/tamil-translation.htm?utm_source=chatgpt.com
- Pym, A. (2014). *Exploring translation theories* (2nd ed.). Routledge.
- Rajagopalan, R. (2017). On translating moral and ethical texts from Tamil to English. In *Translation and ethics* (pp. 71–85). Routledge.
- Robinson, K. (2024). Rethinking dynamic equivalence as a rhetorical construct. [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=UUwmqGQI0pY>
- Sankaravelayuthan, R. (2019). Lessons from the translation of a historical novel in Tamil into English. *Language in India*, 19(11). <https://www.languageinindia.com/feb2025/drazimcontoursofcatastrophe.html>
- Sanjana Rajan. (2025). Translating ancient Indian manuscripts into English: Translation as a research methodology. Central University of Kerala. <https://orcid.org/0009-0002-0739-501X>

- Schäffner, C. (2001). Translation and the EU – Conditions and consequences. *Perspectives: Studies in Translatology*, 9(4), 247–261.
<https://doi.org/10.1080/0907676X.2001.9961422>
- Sergeyevna, M. Y., & Savriyevna, Z. N. (2024). Translation as a bridge between cultures: A multidisciplinary perspective. *Miasto Przyszłości*, 48, 80–84.
<http://miastoprzyszlosci.com.pl/index.php/mp/article/view/3414>
- Setton, R., & Dawrant, A. (2016). *Conference interpreting: A complete course*. John Benjamins Publishing Company.
- Shanmugam, K. (2015). Status of Tamil language in Singapore: An analysis of family domain. *Educational Research and Policy Studies*, 42, 25–64.
<https://doi.org/10.70953/ERPv42.15002>
- Shanthi Murugan, K., Kaviyarasu, S., & Balasundaram, S. R. (2024). Integration of self-attention model with intralingual word embedding for contextual semantic analysis of Thirukkural text. In *Proceedings of the 21st International Conference on Natural Language Processing (ICON)* (pp. 502–509). AU-KBC Research Centre, Chennai, India. NLP Association of India (NLP AI).
- Shulman, D. (2016). *Tamil: A biography*. Harvard University Press.
- Valavaraj, A. (2025). Problems of parallel and morphology in translating the Tamil novel “Computer Gramam” into English. *Journal of Indian Languages and Indian Literature in English*, 3(2), 164–168.
- Tymoczko, M. (2006). Reconceptualizing western translation theory. In T. Hermans (Ed.), *The Routledge companion to translation studies* (pp. 13–22). Routledge.
- Venuti, L. (2017). *The translator's invisibility: A history of translation* (2nd ed.). Routledge.
- Venuti, L. (2012). *Translation changes everything: Theory and practice*. Routledge.
- Venuti, L. (2023, April 5). Spokesperson, intellectual, and... more? On the new and shifting role of the translator. *Literary Hub*. <https://lithub.com/spokesperson-intellectual-and-more-on-the-new-and-shifting-role-of-the-translator>
- Zokirova, N. S. (2022). Discursive ontology of (literary) translation. *Innovative Development in Global Science*. Boston, USA.
- Zokirova, N. S. (2023). The nature of translation transformations. *Innovative Development in Educational Activities*, 2(8), 287–293.